

UTUSAN MALAYSIA Mega

JEPUN BANTU MALAYSIA

Maritim Malaysia, JCG laksana ekksesais bersama di perairan Sabah

Oleh ASSIM HASSAN
pengarang@utusan.com.my



KAWALAN perairan negara terutama di negeri ini bukan satu tugas yang mudah untuk dipikul oleh agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan.

Pelbagai cabaran dihadapi agensi terbabit bagi memastikan kedaulatan dan keselamatan negeri ini lebih-lebih lagi 'pengguna' perairan terjamin daripada anasir jahat.

Penculikan, jenayah rentas sempadan dan penyeludupan antara cabaran berat yang digalas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) bagi memastikan ancaman itu tidak menjadi barah di bumi Sabah.

Menyedari hakikat ancaman yang semakin mencabar, Maritim Malaysia turut meningkatkan penggunaan aplikasi dan teknologi terkini dalam usaha menghadapi ancaman lanun di laut.

Untuk itu, Maritim Malaysia mengambil inisiatif menjalin kerjasama dengan Japan Coast

Guard (JCG) mempraktikkan teknik terkini menghadapi ancaman keselamatan menggunakan teknologi canggih negara terbabit.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Penguatkuasaan dan Ekksesais, **Laksamana Pertama Maritim Abdul Razak Omar** berkata, latihan kerjasama dua negara itu dijalankan kira-kira 50 batu nautika dari bandar raya ini dan memberi input baharu kepada Maritim Malaysia dalam meningkatkan kawalan perairan Sabah.

Menurutnya, ekksesais itu merupakan landasan terbaik untuk kedua-dua agensi bertukar-tukar kepakaran dan maklumat keselamatan.

"Bagi pihak Maritim Malaysia, kita berharap hubungan ini menjadi satu landasan dalam mempelajari pakej keselamatan dari Jepun sekali gus mampu diserapkan dalam sistem keselamatan negara.

"Malah, hasil daripada kerjasama ini dapat memacu ke arah persefahaman dan komunikasi antara kedua-dua agensi," katanya kepada

pemberita selepas tamat latihan itu di Pelabuhan Kota Kinabalu di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Seperti lagak dalam filem *Captain Phillips*, ekksesais yang bermula pada pukul 9 pagi itu disertai seramai 100 pegawai serta anggota Maritim Malaysia termasuk Pasukan Tindakan Khas (Star Team) selain menggunakan aset-aset canggih milik agensi itu seperti Kapal Maritim Banggi, bot penyelamat, bot kilat dan helikopter.

JCG pula disertai seramai 50 anggota dengan Kapal Tsugaru dan sebuah helikopter 412.

Ekksesais dimulakan dengan Latihan Komunikasi membabitkan latihan bunyi, bendera serta papan mesej elektronik yang bertujuan berhubung antara pengawal pantai kedua-dua negara.

Kapal Tsugaru dilihat memberi isyarat menggunakan papan mesej elektronik dengan tertera perkara 'Kami mahu berhubung dengan anda' (*we want to communicate with you*).

Ditanya bagaimana kapal milik Maritim Malaysia membalas mesej tersebut, salah seorang pegawai memaklumkan bahawa

kapal Maritim Malaysia memberi isyarat melalui talian *walkie-talkie* antara kedua-dua kapal.

Selepas itu, babak kedua yang bermula pada pukul 11 pagi melibatkan sebuah bot penyelamat yang berjaya dikesan selepas dirampas penjenayah dihentikan oleh Star Team menggunakan helikopter.

Penggunaan helikopter difahamkan adalah untuk memperlahaikan kapal lanun dalam usaha menyelamatkan tebusan.

Ekksesais terakhir adalah latihan pendaratan pesawat di kapal bertujuan membiaskan anggota keselamatan melakukan pendaratan di atas kapal pasukan lain jika berlaku kecemasan.

Sementara itu, Pegawai Pemerintah JCG, **Kapten Katsushi Murase** berharap kerjasama ini akan memanfaatkan serta mengukuhkan kawalan keselamatan perairan oleh Maritim Malaysia.

Kata beliau, pihaknya terbuka dan bersedia untuk menjalankan latihan pada masa akan datang sekali gus menjadikan satu sahuran terbaik bagi pertukaran idea semasa antara kedua-dua agensi penguatkuasaan.

BERSEDIKA... Latihan bersama anggota Maritim Malaysia dan Japan Coast Guard (JCG) di 50 batu nautika dari perairan Kota Kinabalu baru-baru ini berjaya meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam operasi maritim.



TINJAU... Beberapa anggota Maritim Malaysia memerhati keadaan persekitaran bagi memastikan segala keperluan latihan memenuhi aspek yang ditetapkan.



LATIHAN MENYELAMAT... Beberapa anggota Japan Coast Guard (JCG) menyelamat 'mangsa' semasa latihan bersama baru-baru ini.